

Tutup saja

Proton: Dr M

PUTRAJAYA: "Kita tutup sajalah," kata Tun Dr Mahathir Mohamad secara sinis mengenai cara terbaik yang mungkin diambil untuk menyelesaikan masalah yang dikaitkan dengan Perusahaan Otomobil Nasional Bhd (Proton).

Bekas Perdana Menteri berkata, jika orang ramai berpendapat menutup Proton dapat meringankan beban rakyat kerana memberi subsidi kepada syarikat itu dan mempertahankannya, cadangan itu wajar dipertimbangkan.

Beliau yang juga Penasihat Proton meminta Lembaga Pengarah syarikat itu mempertimbangkan cadangan itu.

"Kalau mereka berpendapat ia cara untuk mengatasi masalah termasuk permit import (AP) dan sebagainya, satu daripada caranya ialah kita tidak ada Proton di Malaysia. Kita tutup sajalah," katanya ketika mengulas pandangan orang ramai berhubung Proton selepas Pengerusi Kelab Penyokong Kerajaan, Datuk Shahrir Abdul Samad, mencadangkan Proton tidak perlu mempunyai 90 peratus komponen tempatan, sebaliknya 40 peratus sudah cukup seperti ditetapkan Kawasan Perdagangan Bebas Asean (Afta).

Dr Mahathir berkata, beliau membaca pandangan orang ramai mengenai isu itu dan mendapati, ada yang berpendapat penutupan Proton dapat meringankan beban rakyat.

Ditanya adakah beliau merajuk sehingga membuat kenyataan demikian, Dr Mahathir berkata: "Bukan merajuk... apa nak merajuk bukan saya punya. Saya tidak dapat satu sen pun lagi. Gaji pun tidak bayar, jadi penasihat percuma saja."

Diminta mengulas tindakannya menedahkan surat isu pengumuman status Naza Ria keluaran Naza Kia Sdn Bhd (NKSB) sebagai kenderaan nasional ketika ditemubual rancangan The Exchange TV3, Jumaat lalu, katanya: "Saya dedahkan surat saya, bukannya surat orang".